



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	9/10/2019	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Lima lelaki dibebaskan bunuh gajah untuk ambil gading

Tembak si pigmi guna bakakuk



KERATAN Kosmo! 3 Oktober 2019.

Lima lelaki ditahan kes bunuh gajah dibebaskan jaminan polis

TAWAU - Lima daripada enam suspek yang disyaki terlibat dalam pembunuhan seekor gajah pigmi yang ditemui di kawasan hulu Sungai Udin, Dumpas, Kalabakan dekat sini baru-baru ini dibebaskan dengan jaminan polis.

Timbalan Ketua Polis Daerah Tawau, Superintendan Nor Azizulkifli Mansor berkata, seorang lagi yang merupakan pendatang haram dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan di bawah Seskyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1963.

"Lima orang yang dibebaskan dengan jaminan ini diserahkan kepada Jabatan Hidupan Liar (JHL) bagi mereka (JHL) menyiapkan kertas siasatan," katanya.

Pada 3 Oktober lalu, enam suspek terdiri daripada lima warga tempatan dan seorang pendatang haram ditahan reman empat hari sebelum reman mereka disambung dua hari lagi yang berakhir semalam.

Sementara itu, Pegawai JHL Tawau, Sailun Aris berkata, pihaknya sedang meneliti dokumen berkaitan kes tersebut dan sebarang maklumat akan dimaklumkan kemudian.

Dalam pada itu, di Mahkamah Sesyen di sini semalam, Osman Ghafar, 48, warga Indonesia mengaku tidak bersalah atas pertuduhan tidak memiliki pas atau permit sah menduduki negara ini.

Osman didakwa melakukan kesalahan itu di kawasan Felda Umas, Kalabakan pada pukul 1.30 pagi, 2 Oktober lalu.

Tertuduh merupakan antara enam lelaki ditahan polis dalam Ops Khazanah bagi membantu siasatan kes seekor gajah ditemui mati di Sungai Udin pada 25 Oktober lalu. - Bernama